

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**  
**RUJUKAN : BL4 [PR-1343-T75774]**  
**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan aduan-aduan yang sampai ke Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur oleh pelbagai pihak, yang berjaya diselesaikan dan tidak boleh diselesaikan dan bilangan yang dibawa ke muka pengadilan sepanjang 3 tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, secara umumnya, sebanyak **16,548** pelbagai aduan telah diterima dan direkodkan sepanjang **3 tahun lalu bermula dari 2013 hingga Julai 2016** oleh Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL). Aduan-aduan ini dipecahkan kepada 7 jenis aduan yang mengikut format Bahagian Pengurusan Strata, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dihantar setiap tahun oleh COBKL.

Pecahan kepada 7 jenis aduan dan bilangan adalah seperti di bawah:-

BIL	JENIS ADUAN	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016 (Julai)
1.	Mesyuarat & pemilihan	857	292	948	1295
2.	Pentadbiran & Pengurusan	405	444	748	624
3.	Penyenggaraan & Kerosakan	276	188	939	459
4.	Isu kewangan	251	160	2451	421
5.	Khidmat nasihat	280	180	709	366
6.	Penguatkuasaan COB	305	425	752	67
7.	Lain-Lain	249	902	750	805
<b>JUMLAH</b>		<b>2623</b>	<b>2591</b>	<b>7297</b>	<b>4037</b>

Berdasarkan bilangan aduan di atas, pihak COBKL berjaya menyelesaikan kesemua aduan yang diterima.

Manakala, bagi kes yang dibawa ke muka pengadilan, pihak COB masih di peringkat penyediaan Kertas Siasatan. Tindakan ini diambil berikutan kelemahan yang ada di dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan tindakan keseragaman di dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 berkaitan penyediaan Kertas Siasatan.